
PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL. 5 TAHUN 2011

**PERATURAN MENGENAI PERBELANJAAN
UNTUK MERAIKAN
PEGAWAI YANG BERSARA**

TUJUAN

1. Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Lembaga Pengarah Universiti bagi menerima pakai Pekeliling Perbendaharaan Bil.3 Tahun 2011 berkaitan Peraturan Mengenai Perbelanjaan Untuk Meraikan Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Bersara.

LATARBELAKANG

2. Jabatan Kerajaan adalah dibenarkan untuk meraikan pegawai-pegawai yang bersara. Peraturan mengenai perkara ini telah ditetapkan melalui Pekeliling Perbendaharaan Bil.5 Tahun 2001(Peraturan Mengenai Perbelanjaan Untuk Meraikan Anggota Perkhidmatan Awam Yang Bersara).
3. Selaras dengan keadaan semasa, Perbendaharaan bersetuju supaya peraturan tersebut disemak dan ditambah baik.

KADAR BAYARAN

4. Kadar bagi jamuan dan cenderamata untuk meraikan pegawai yang akan bersara adalah seperti berikut;

Bil.	Jenis	Kadar (RM)- Pekeling Perbendaharaan 3/2011	Syarat-syarat
1.	Jamuan	30.00/ orang	i. Bilangan jemputan hendaklah dihadkan kepada mereka yang benar-benar perlu sahaja. ii. Sekiranya Jabatan berhasrat untuk mengadakan majlis melebihi RM30.00, boleh menampungnya melalui sumber lain seperti Kelab Kebajikan dan Sukan atau sumbangan daripada pegawai lain.
2.	Cenderamata	400.00 / pegawai	
3.	Sijil Penghargaan	Diberi kepada pegawai yang bersara sebagaimana perenggan 5(i), 5(ii) dan 5(iii).	

SYARAT-SYARAT UNTUK MERAIKAN PESARA

5. Syarat-syarat untuk meraikan pesara adalah sebagaimana berikut;
- i. Pegawai yang layak diraikan terdiri daripada pegawai yang bersara wajib, bersara atas sebab kesihatan dan bersara pilihan;
 - ii. Bagi **pesara pilihan** hendaklah berkhidmat dengan Kerajaan tidak kurang daripada **15 tahun**;
 - iii. Bagi **pesara yang bersara atas sebab kesihatan**, pegawai boleh diraikan **tanpa mengambilkira** tahun perkhidmatan dengan Kerajaan;

- iv. Majlis hendaklah dirancang dan diadakan sekali setahun sahaja;
- v. Pegawai layak diraikan sekali sahaja; dan
- vi. Majlis hendaklah diadakan dalam kawasan Jabatan.

TARIKH KUATKUASA

6. Pekeliling Pentadbiran ini berkuatkuasa **mulai 1 Januari 2011.**

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan tugas,


(HAJI MUSTAFA BIN IBRAHIM)
PENDAFTAR

Tarikh : 01 MAR 2011

Edaran Kepada.:

Penolong Naib Canselor (Pusat Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti)

Penolong Naib Canselor (Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Bendahari

Ketua Pustakawan

Semua Dekan / Pengarah / Ketua Jabatan

Salinan kepada.:

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Sbi/Pkh/c/pekeliling/PP5_2011